



No. Rujukan : KUIM/KEW/PINJ/PTPTN/2021

Tarikh : 09 Februari 2021  
27 Jamadilakhir 1442H

Assalamualaikum wr.wb / Salam Sejahtera

<b>TAJUK</b>	<b>EDARAN BORANG PERMOHONAN BANTUAN ONE-OFF RM1,000 BAGI ANAK MELAKA (MUSLIM)/ PEMASTAUTIN TETAP (MENGIKUT SYARAT YANG DITETAPKAN)</b>
<b>KEPADA</b>	<b>Semua Mahasiswa/ Mahasiswi Semester 1 (Anak Melaka- Muslim)</b>
<b>DARIPADA</b>	Penolong Pendaftar (Pejabat Bendahari)
<b>SALINAN KEPADA</b>	YBhg Naib Canselor Timb. Naib Canselor Peng. Korporat, Penyelidikan & Inovasi Timb. Naib Canselor HEPA Pengarah Hal Ehwal Akademik Semua Dekan Fakulti (FKSK/FSS/FKI/FIPT/FPH/FUG/FBP) Ketua Unit Teknologi Maklumat - mohon paparkan di laman sesawang KUIM Pembantu Tadbir Fakulti – mohon sebar maklumat kepada pelajar Pemangku Presiden MPP

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas,

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan bagi Bantuan One-off RM1,000 telah dibuka dan borang permohonan tersebut akan mula diedarkan pada **08 Februari 2021 (Isnin) di Pejabat Bendahari dan Pejabat TAPEM.**

3. Sehubungan itu, mohon kerjasama mahasiswa/i semester 1 (Anak Melaka-Muslim) yang tinggal berdekatan dengan KUIM untuk mengambil borang permohonan dan menyerahkan semula borang tersebut bersama salinan dokumen yang diperlukan (sila rujuk muka hadapan Borang Permohonan) **sebelum atau pada 31 Mac 2021 (Rabu)** di Pejabat Bendahari. Bagi mahasiswa/i semester 1 (Anak Melaka- Muslim) yang tinggal berdekatan Pejabat TAPEM, pengambilan dan penyerahan borang boleh dilakukan terus di Pejabat TAPEM.

4. Untuk makluman, bagi pelajar yang tinggal berdekatan KUIM **salinan dokumen** yang dilampirkan akan disahkan oleh Pegawai KUIM gred 41 ke atas. Bagi mahasiswa/i yang ibubapa atau penjaga tidak bekerja atau bekerja sendiri, perlu mendapatkan pengesahan pendapatan dari Pengerusi JAPERUN/ Ketua Kampung/ Penghulu/ Sidang dan diminta untuk lampirkan bersama borang permohonan. Permohonan juga dibuka bagi pelajar yang telah bermastautin di Melaka lebih 10 tahun.

Perhatian dan tindakan daripada mahasiswa/i didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

**“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”**  
**“WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(ZALINAH BINTLHAJI RAMLI)